

DERAF TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM
KETUA PENGARAH, JABATAN MUZIUM MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS
PELANCARAN KALENDAR ACARA 2022, LAMAN WEB MUZIUM NEGARA
DAN APLIKASI MUDAH ALIH MUZIUM NEGARA AR
PADA 14 MAC 2022 (ISNIN)
DI DATARAN MUZIUM NEGARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim..

Terima kasih kepada saudari pengacara majlis.

1. Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
2. Yang Berusaha En. Norazman bin Othman
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
3. Yang Berusaha En. Mohd Zamri bin Mat Zain
Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
4. Ketua-Ketua Jabatan/Agenzi di bawah Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
5. Encik Mohd Shawali bin Badi
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Muzium Malaysia
6. Pegawai-Pegawai Kanan MOTAC
7. Pengarah-Pengarah Muzium

8. YBhg. Dato'-Dato', Datin'-Datin', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama dalam Majlis Pelancaran Kalendar Acara 2022 Jabatan Muzium Malaysia, Laman Web Muzium Negara dan Aplikasi Mudah Alih Muzium Negara AR. Di kesempatan ini juga saya amat mengalu-alukan dan merakamkan setinggi ucapan penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ke Jabatan Muzium Malaysia bagi melancarkan program kita pada hari ini. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk.

Baiklah, Yang Berbahagia Datuk,

Dato'-Dato', Datin'-Datin', hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

2. Setelah lebih 2 tahun berhadapan dengan pandemik Covid-19, negara bakal memasuki fasa endemik bermula pada 1 April ini seperti mana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 8 Mac yang lalu. Pengumuman ini menunjukkan bahawa, Malaysia

telah bersedia untuk beradaptasi atau dalam bahasa yang lebih mudah, “hidup” bersama-sama dengan Covid-19. Setelah pelbagai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memutuskan rantaian Covid-19 ini dalam kalangan rakyat khususnya melalui program imunisasi, Malaysia akan terus bergerak ke hadapan untuk kembali hidup dalam norma sebelumnya. Begitu juga dengan pihak Jabatan Muzium Malaysia; kami di sini sentiasa bersedia untuk bergerak seiring dengan keputusan kerajaan. Alhamdulillah, walaupun tahun 2021 penuh dengan cabaran, Jabatan Muzium Malaysia berjaya merekodkan kehadiran sebanyak 359,265 orang pengunjung ke muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia di seluruh negara. Pada tahun ini pula, kita telah meletakkan sasaran awal sebanyak 400,000 orang pengunjung. Namun dengan mengambilkira pengumuman kerajaan terkini kerajaan, kita menjangkakan pencapaian statistik yang jauh lebih baik, in shaa Allah. Oleh yang demikian, perancangan bagi kalender acara tahun ini telah diatur dengan mengambil kira pelbagai faktor supaya setiap pelaksanaan program dapat dijalankan dengan lancar termasuk mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.

Yang Berbahagia Datuk,

Dato’-Dato’, Datin’-Datin’, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

3. Kalendar Acara Tahunan Jabatan Muzium Malaysia pada tahun ini telah disusun dengan 155 program yang terdiri daripada 8 pameran utama, 22 program *signature* dan 125 program pengembangan. Pameran Dunia Naga: Mitos dan Lagenda merupakan antara pameran berskala besar bertaraf blockbuster yang akan diadakan pada hujung bulan Mei ini. Manakala program lain termasuklah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa, Semarak @ Muzium, Merdeka @ Muzium, Festival Kota Kuala Kedah dan Program Museum Night Trail dan Nostalgia Anak Kampung. In shaa Allah, kita merancang penganjuran program-program signature jabatan secara lebih luas dan menyeluruh ke muzium-muzium JMM di seluruh negara misalnya Program Semarak @ Muzium; Merdeka @ Muzium dan Nostalgia Anak Kampung. Begitu juga dengan Program Pengembangan Muzium yang merangkumi program Bicara Muzium, program jangkauan dalam (inreach) dan program jangkauan luar (outreach) yang bertujuan untuk menyebar dan menyemarakkan ilmu pengetahuan sejarah, budaya, warisan dan alam semulajadi kepada masyarakat.

Yang Berbahagia Datuk,

Dato'-Dato', Datin'-Datin', hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Di sebalik kemelut Wabak Covid-19, kita menyaksikan wujud ruang dan peluang-peluang untuk kita melakukan penilaian sekaligus menambahbaik kekurangan atau kelemahan dalam apa juar tindakan selama ini. Keterbatasan yang wujud sepanjang mendepani wabak ini, telah memberi ruang kepada Jabatan Muzium Malaysia untuk menyemak kekurangan dan menyeimbangkan kekuatan kami. Antaranya ialah dengan mempelbagaikan platform atau landasan yang bersesuaian bagi terus menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai meskipun muzium pada masa itu terpaksa dihentikan operasinya. Justeru, kami bawakan pameran kepada masyarakat secara maya dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti secara dalam talian supaya pandemik ini tidak menjauhkan masyarakat dengan muzium. Tambahan kepada usaha tersebut, pada hari ini akan dilancarkan laman web Muzium Negara yang telah dinaiktaraf serta aplikasi mudah alih yang dinamakan sebagai Muzium Negara AR (Augmented Reality).
5. Laman web Muzium Negara yang telah berwajah baru ini telah dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Muzium Malaysia bagi menggantikan laman web lama Muzium Negara. Laman web ini bertujuan untuk menarik dan memudahkan orang ramai sama ada dari dalam maupun luar negara untuk mendapatkan maklumat terkini Muzium Negara di hujung jari.

Antara maklumat-maklumat yang boleh didapati menerusi laman web ini termasuklah sejarah penubuhan Muzium Negara, aktiviti pameran tetap dan sementara, program pendidikan, koleksi-koleksi terpilih yang dipamerkan, waktu operasi muzium dan juga kemudahan atau fasiliti yang tersedia di Muzium Negara. Laman web Muzium Negara ini boleh dilayari melalui www.muziumnegara.gov.my

Yang Berbahagia Datuk,

Dato'-Dato', Datin'-Datin', hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

6. Aplikasi mudah alih Muzium Negara AR merupakan sebuah aplikasi yang membolehkan orang ramai mendapatkan informasi 28 koleksi terpilih di Muzium Negara dalam bentuk kandungan multimedia realiti terimbuh atau *augmented reality* (AR) 2D dan 3D. Augmented reality dihasilkan menerusi gabungan elemen digital interaktif iaitu gambar, bunyi, animasi, model 3D serta elemen-elemen interaktif ke dalam persekitaran dunia nyata kita. AR sudah mula digunakan dalam sektor-sektor seperti perubatan, pembinaan, pengilangan dan pendidikan. Dan kini, JMM membawa teknologi ini ke sektor permuziuman.
7. Walau bagaimanapun, pengalaman AR ini hanya boleh dirasai oleh pengunjung yang melawat ke Muzium Negara sahaja, kerana kita

ingin menggalakkan orang ramai untuk merasai pengalaman AR ini di muzium itu sendiri. Pengunjung perlu memuat turun aplikasi sebelum atau semasa berkunjung ke Muzium Negara dan mengimbas penanda QR yang tersedia untuk merasai pengalaman tersebut. *Muzium Negara AR* beroperasi dengan persekitaran sistem Android 7.0 ke atas dan iOS 12 ke atas dan telah sedia untuk dimuat turun melalui pelantar *Google Play*, *App Store* dan *Huawei AppGallery*.

Yang Berbahagia Datuk,

Dato'-Dato', Datin'-Datin', hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua warga kerja Jabatan Muzium Malaysia yang sentiasa bertungkus lumus, memastikan program-program yang telah dan akan dilaksanakan berjalan dengan lancar dan berjaya. Walaupun berdepan dengan pelbagai kesulitan khususnya dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, namun semua kakitangan tetap berusaha memberi komitmen terbaik serta optimis mendepani cabaran. Tidak lupa, setinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak Kementerian yang sentiasa menaungi dan menyokong setiap perancangan yang dibuat oleh kami. Sekali lagi, terima kasih saya ucapkan.

9. Akhir kata, saya menaruh harapan yang tinggi mudah-mudahan tahun ini kesemua program yang telah dirancang berjaya dilaksanakan sepenuhnya serta mencapai objektif yang disasarkan. JMM sentiasa berusaha mencari kaedah dan pendekatan yang terbaik untuk terus menyampaikan perkhidmatannya kepada orang ramai tanpa mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Sama-sama kita doakan mudah-mudahan tiada lagi virus Covid-19 dan negara kita kembali pulih seperti sediakala, in shaa Allah.

Sekian dahulu, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.